

Kerajaan lulus bina fakulti perubatan UiTM

JM 14 JAN 2004

SHAH ALAM 13 Jan. – Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengesahkan kerajaan telah meluluskan pembinaan fakulti perubatannya di Bandar Baru Puncak Alam, Shah Alam.

Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah memberitahu fakulti tersebut akan didirikan di projek kampus tetap yang dinamakan UiTM Shah Alam Dua.

“UiTM telah mendapat kebenaran daripada kerajaan untuk membina fakulti perubatan di UiTM Shah Alam Dua, Puncak Alam,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) di Shah Alam, hari ini.

Fakulti tersebut yang diharap dapat melahirkan lebih ramai doktor perubatan Melayu mendapat perhatian ahli-ahli akademik memandangkan jurang profesion antara Melayu dan bukan Melayu yang ketara dalam bidang itu.

Ia juga menarik perhatian ramai kerana bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri yang mengeluarkan arahan lisan supaya UiTM menyerahkan laporan mengenai penubuhan fakulti berkenaan pada tahun 2002.

UiTM dijangka membuat pengambilan pertama pelajar perubatan mulai kemasukan Jun 2003.

Menurut Ibrahim, buat sementara waktu para pelajar perubatan akan ditempatkan di kampus Jalan Othman, Petaling Jaya.

“Kerja pengubahsuaian sedang dijalankan di kampus tersebut yang akan memperuntukkan kesemua bangunan yang ada untuk kegunaan fakulti tersebut,” katanya.